

15/05/2003

Sambutan Maulidur Rasul meriah

KUALA LUMPUR: Umat Islam di seluruh negara semalam menyambut Hari Keputeraan Nabi Muhammad SAW dengan penuh keinsafan untuk mencontohi keperibadian dan melaksanakan ajaran Baginda bagi mengembalikan kegemilangan ummah.

Selain berarak sambil menggemakan selawat memuji Rasulullah, umat Islam mendengar titah dan ucapan pemerintah serta pemimpin masing-masing dengan tekad memantapkan perpaduan ummah.

Di ibu negara, Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail, mengetuai sambutan Maulidur Rasul Peringkat Kebangsaan bersama-sama pemimpin negara dan kira-kira 15,000 rakyat yang terdiri daripada wakil kementerian, agensi kerajaan, institusi pengajian tinggi awam, badan korporat, institusi perbankan dan badan bukan kerajaan di Stadium Putra, Kompleks Sukan Bukit Jalil.

Turut berangkat menghadiri sambutan bertemakan "Bersama Hayati Keindahan Islam" itu ialah Raja Permaisuri Agong, Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

Hadir sama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, dan isteri Datin Seri Endon Mahmood, serta menteri Kabinet, duta dan perwakilan asing beragama Islam di negara ini.

Di ALOR STAR, Sultan Kedah mahu umat Islam bersatu sambil menguasai ilmu bagi memastikan diri tidak ditindas musuh.

Baginda bertitah kemusnahan di Iraq harus menjadi pengajaran betapa umat Islam kini lemah dalam pelbagai aspek.

"Selagi kita berpecah belah dan tidak mengambil langkah menguasai ilmu kehidupan kita sendiri, selama itulah umat Islam akan tertindas dan menjadi mainan kepada kuasa besar termasuk musuh Islam," titah baginda pada majlis pelancaran Sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri di Masjid Zahir.

Lebih daripada 30 kontingen yang dianggotai lebih 1,000 kakitangan jabatan kerajaan dan agensi swasta, pertubuhan serta institusi pendidikan menyertai perarakan dari Jalan Kolam Air melalui Jalan Tunku Ibrahim dan Lebuh Darulaman hingga ke perkarangan Masjid Zahir dengan membawa sepanduk dan berselawat memuji Rasulullah.

Di BUTTERWORTH, lebih 2,000 umat Islam dari seluruh Pulau Pinang menghadiri sambutan yang diadakan di Dewan Sekolah Menengah Teknik, Seberang Prai, Bukit Minyak.

Acara itu diserikan dengan kehadiran Yang di-Pertua Negeri, Tun Abdul

Rahman Abbas yang turut menyampaikan anugerah kepada Tokoh Maulidur Rasul 2003, peringkat negeri. Penerima tahun ini ialah Mat Tahir Ayub, 67, Imam

Masjid Al-Huda, Nibong Tebal, Seberang Prai Selatan. Beliau menerima hadiah wang tunai RM2,500, sijil dan piala daripada Abdul Rahman.

DI SEREMBAN, Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Ja'afar Tuanku Abdul Rahman, mengingatkan umat Islam terus bersatu dan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam menghadapi cabaran abad ini.

Tuanku Ampuan Tuanku Najihah turut berangkat menghadiri majlis sambutan

Maulidur Rasul peringkat negeri di padang Majlis Perbandaran Seremban (MPS). Turut hadir Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad, Ahli Exco negeri dan kira-kira 5,000 umat Islam.

Di MELAKA, Yang di-Pertua Negeri, Tun Syed Ahmad Shahabudin, mengetuai perarakan Maulidur Rasul yang disertai kira-kira 11,000 umat Islam sejauh

3.8 kilometer dari Stadium Hang Tuah ke Masjid Al-Azim di Bukit Palah.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, ketika berucap berkata, umat

Islam di negeri itu perlu mempunyai jati diri, cekal, tabah, sabar di samping mempunyai akhlak terpuji seperti Rasulullah.

Beliau berkata, Rasulullah sudah membentuk satu peradaban umat Islam yang bertamadun atau masyarakat Madani atau Hadari yang jauh berbeza dengan tamadun Barat.

Di JOHOR BAHRU, Tengku Mahkota Johor Tunku Ibrahim Ismail Sultan Iskandar mengingatkan umat Islam di negeri sentiasa bersatu dan mengelak berpecah-belah supaya tidak dieksploitasi musuh Islam.

"Pada masa ini ada umat Islam kita yang meminta pertolongan orang bukan

Islam yang sememangnya musuh yang ingin memusnahkan agama kita. Ini semuanya berpunca kerana kita berpecah dan tidak bersatu padu," titahnya.

Baginda mewakili ayahandanya Sultan Iskandar Al-Haj pada majlis sambutan

Maulidur Rasul di Masjid Sultan Abu Bakari.

Di KUANTAN, Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah, Tengku Mahkota Pahang, Tengku Abdullah dan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, serta lebih 2,000 orang menghadiri majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri di

Dewan Jubli Perak Sultan Ahmad Shah.

Sultan Ahmad Shah meminta umat Islam meningkatkan penguasaan ilmu pengetahuan untuk terus bersaing dalam arus pembangunan dunia masa kini.

Pada majlis itu, baginda turut melancarkan Program Masjid Gemilang Pahang yang bertujuan membina kesedaran dan membentuk pemikiran masyarakat

terhadap kepentingan dan peranan institusi masjid serta menjadikan masjid

sebagai pusat tumpuan masyarakat daripada segenap sudut.

Di KUALA TERENGGANU, lebih 3,000 umat Islam menghadiri majlis sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri di Stadium Negeri.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Dakwah dan Pelaksanaan Syariah Negeri, Datuk Harun Taib, merasmikan sambutan itu bagi pihak Menteri

Besar

Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang kini berada di luar negara.

Di KOTA KINABALU, lebih 3,000 umat Islam membanjiri Padang Merdeka sejak

6 pagi untuk sama-sama berarak sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri.

Yang di-Pertua Negeri, Tun Ahmadshah Abdullah mengetuai perarakan dari Padang Merdeka menuju ke Wisma Muis, di Sembulan iaitu sejauh kira-kira empat kilometer, mulai jam 7.30 pagi.

Turut menyertai perarakan itu ialah Ketua Menteri, Datuk Musa Aman, timbalannya, Datuk Lajim Ukin, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Juhar

Mahirudin dan Pengerusi Jawatankuasa sambutan, Datuk Abdul Rahim Ismail.

Di KUCHING, Yang di-Pertua Negeri Sarawak, Tun Abang Muhammad Salahuddin

Abang Barieng mengajak umat Islam bersatu bagi mengatasi masalah sosial.

Beliau berkata, keruntuhan akhlak umat Islam khususnya yang disebarakan menerusi media cetak dan elektronik boleh dibendung tetapi ia memerlukan perhatian sepenuhnya daripada semua pihak.